

CNS4920

U GB 22-08 00150 BA184

bah

Mahathir - Dadah

PM ARAH PDRM KEMUKAKAN KERTAS KEPADA KABINET MENGENAI DADAH

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengarahkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) menyediakan kertas Kabinet mengenai tindakan yang perlu diambil, termasuk peruntukan tambahan yang diperlukan, untuk menjayakan projek bagi membasmi masalah dadah.

Perdana Menteri berkata, Kabinet akan membuat keputusan mengenai tindakan yang perlu dan wajar diambil setelah mengkaji laporan itu.

Beliau berkata, masalah dadah merupakan masalah besar kepada negara sekarang.

"Ia mungkin menjadi lebih besar kalau kita tidak ada undang-undang yang begitu keras bagi kesalahan dadah," kata beliau kepada pemberita selepas melawat dan mendenqar taklimat di ibu pejabat polis Bukit Aman di sini.

Dr Mahathir berkata, masalah dadah masih laqi menjadi satu ancaman kepada negara dan oleh itu, kerajaan perlu menumpukan perhatian yang lebih untuk menanganinya. -- Laqi.

▼22/08/15-10MST

CNS4945

U GB 22-08 00137 BA191

bah

Mahathir - Dadah 2 Kuala Lumpur

Ini juga termasuk memberi perhatian yang lebih terhadap projek pemulihan penaqih dadah, kata beliau laqi.

Dr Mahathir berkata, kerajaan juga perlu mendapatkan kerjasama dan bantuan antarabangsa dalam usaha membanteras masalah dadah di negara ini.

Ketika ditanya sama ada penaqihan dadah di negara ini kini berada pada tahap yang lebih serius, beliau berkata, kerajaan sememangnya mengangqap masalah itu sebagai serius.

Perdana Menteri berkata, walaupun kerajaan telah mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menangani masalah itu, namun bilangan penaqih dadah semakin bertambah.

"Walaupun kita sudah cuba tetapi nampaknya masih agak ramai laqi yang terlibat dalam penaqihan dadah," kata beliau.

Ini kerana kemudahan yang sedia ada seperti Pusat Serenti untuk "merawat" penaqih dadah tidak mencukupi bagi menampung bilangan mereka. -- Laqi.

▼22/08/15-35MST

CNS4976

R GB 22-08 00171 BA192

bah

Mahathir - Dadah 3 Kuala Lumpur

"Kita tidak mempunyai kemudahan (yang secukupnya) untuk memberi rawatan kepada semua kerana tiap-tiap tahun bilangan mereka meningkat," kata beliau.

Beliau berkata, daripada maklumat yang diterimanya daripada polis hari ini, kini terdapat lebih 180,000 orang terlibat dalam penagihan dadah dan daripada jumlah itu, sebanyak 78,000 orang adalah penagih berat.

Katanya, Pusat Serenti di seluruh negara kini hanya boleh menampung 10,000 orang dan yang selebihnya, yang beliau anggar seramai lebih 60,000 orang, tidak boleh diterima untuk rawatan.

"Penjara kita pun sekarang ini mempunyai penagih dadah yang ramai," kata beliau.

Katanya, sebab itu kadang-kadang televisyen memaparkan beberapa orang penagih dadah sedang menyuntik dadah pada badan mereka, yang menggambarkan seolah-olah kerajaan dan polis tidak mengambil tindakan.

Ketika ditanya sama ada kerajaan akan menambah Pusat Serenti untuk menampung bilangan penagih dadah yang kian meningkat itu, Dr Mahathir berkata, bukan sahaja pusat sedemikian perlu ditambah malah bilangan kakitangan untuk mentadbir pusat itu juga perlu dipertingkatkan. -- Lagi.

▼22/08/16-12MST

CNS4977

R GB 22-08 00116 BA193

bah

Mahathir - Dadah 4 (Akhir) Kuala Lumpur

"Kalau ada Pusat Serenti sahaja tetapi tidak ada pegawainya, ini tidak bermakna," kata beliau.

Dr Mahathir berkata kerajaan perlu menambah bilangan kakitangan di Pusat Serenti untuk menangani masalah penagihan dadah walaupun kerajaan kini berhati-hati untuk mewujudkan jawatan baru.

Semasa lawatan tiga jam beliau ke Bukit Aman itu, Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri telah mendengar taklimat daripada ketua-ketua jabatan seperti Jabatan Siasatan Jenayah, Cawangan Khas.

Yang turut hadir ialah Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Megat Junid Muqat Ayob, Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor dan pegawai-pegawai tertinggi polis lain. -- Bernama

ES NMO

▼22/08/16-12MST